

Lampiran 1

ISU-ISU HAK ASASI MANUSIA PEKERJA MIGRAN DAN PEKERJA TANPA DOKUMEN AKIBAT WABAK COVID-19 DI MALAYSIA DAN SYOR-SYOR BERKENAAN

| BIL | ISU/CABARAN | SYOR/CADANGAN |
|-----|--|--|
| 1. | <p>Kerjasama Kedutaan Asing</p> <p>SUHAKAM dimaklumkan bahawa terdapat kedutaan asing hanya memberikan senarai nama dan lokasi pekerja-pekerja di kalangan rakyat negara mereka, dan tidak memberi sebarang bantuan untuk disalurkan kepada mereka. Pada masa yang sama, terdapat kedutaan yang gagal mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada rakyat negara mereka.</p> | <p>a) Kedutaan-kedutaan asing yang berkenaan perlu bekerjasama dalam memberikan bantuan kepada rakyat negara mereka sama ada dari segi konsular, kewangan atau bekalan makanan termasuk melalui badan-badan bukan kerajaan (NGO) tempatan.</p> <p>b) Kerajaan perlu mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi membenarkan penyaluran bantuan oleh kedutaan asing, termasuk melalui NGO tempatan, kepada pekerja migran yang juga terkesan akibat pelaksanaan PKP.</p> |
| 2. | <p>Akses kepada Bantuan Kerajaan dan Makanan</p> <p>i. Komuniti pekerja migran tidak mempunyai akses kepada bantuan kerajaan dan menghadapi kesukaran untuk mendapat bekalan makanan disebabkan PKP. Bantuan kerajaan dan makanan oleh agensi kerajaan hanya diberikan kepada rakyat Malaysia sahaja.</p> <p>ii. Bagi pekerja-pekerja migran yang bekerja dan tinggal jauh di luar bandar dan tiada pengangkutan persendirian, had perjalanan maksima 10 km dan waktu urusan perniagaan terhad dibawah PKP juga telah menyukarkan lagi mereka untuk mendapatkan bekalan makanan di pekan atau kedai terdekat di luar waktu bekerja.</p> <p>iii. Pihak majikan pekerja migran juga membiarkan serta meninggalkan mereka tanpa memberikan sebarang bantuan makanan kepada mereka.</p> | <p>a) Kerajaan bekerjasama dengan NGO untuk melaksanakan strategi yang lebih berkesan dalam menyalurkan bantuan makanan yang turut merangkumi pekerja migran dan golongan rentan.</p> <p>b) Kerajaan tidak menghalang NGO untuk menyalurkan bantuan makanan kepada pekerja migran dan golongan rentan lain.</p> <p>c) Bantuan makanan daripada agensi kerajaan haruslah disalurkan kepada semua golongan rentan termasuk pekerja migran, pelarian dan pencari suaka.</p> <p>d) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna haruslah membuat pemantauan bagi mengelakkan kenaikan harga barangan oleh peniaga ketika PKP.</p> <p>e) Kementerian Sumber Manusia hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang tidak bertanggungjawab dan memberi insentif</p> |

Lampiran 1

| | | |
|-----------|---|--|
| | <p>iv. Pada masa yang sama, pekerja migran yang masih bekerja terutamanya di sektor perladangan, juga tidak dapat membeli bekalan makanan disebabkan masa bekerja yang panjang dan waktu operasi baru yang dilaksanakan oleh kedai-kedai. Di samping itu, SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa segelintir majikan di sektor perladangan telah menyediakan kemudahan "food truck" agar pekerja majikan dapat membeli makanan serta barangan keperluan. Namun, harga yang tinggi dikenakan menyebabkan para pekerja hanya mampu untuk makan untuk sekali sehari sahaja.</p> | <p>sewajarnya kepada majikan-majikan supaya dapat melindungi hak-hak dan menjaga kebajikan pekerja-pekerja migran mereka, termasuk dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • membekalkan makanan kepada pekerja-pekerja berpendapatan harian (<i>daily wage earners</i>) dan dalam sektor perkhidmatan tidak perlu (<i>non-essential services</i>) semasa dan sekurang-kurangnya sebulan selepas tempoh PKP • membayar semua gaji pekerja terhutang dan semasa pada masanya • tidak memberhentikan pekerja terutamanya atas sebab-sebab disiplin (tidak hadir, lewat dsb) • menyalurkan maklumat yang benar dan tepat tentang keadaan semasa termasuk PKP dan PKPD, dan pencegahan COVID-19 • menghentikan dan mengelakkan amalan-amalan buruh paksa (tempat keadaan kerja yang tidak selamat dan tidak sihat; kerja lebih masa tanpa rehat atau upah tambahan secukupnya, dsb), terutamanya dalam sektor perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>), pembuatan produk permintaan tinggi dan kerja-kerja domestik. |
| <p>3.</p> | <p>Bantuan Makanan di kawasan PKPD</p> <p>i. Bantuan makanan tidak dapat diagihkan kepada pekerja migran yang tinggal di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).</p> <p>ii. SUHAKAM dimaklumkan bahawa bantuan makanan hanya dapat diberikan menerusi Ketua Kampung, tetapi mereka hanya akan mengagihkan bantuan kepada rakyat tempatan sahaja kerana bimbang bantuan tersebut tidak mencukupi.</p> | <p>Kerajaan perlu melaksanakan strategi yang lebih berkesan termasuk dengan kerjasama NGO bagi memastikan bahawa bantuan makanan dan bantuan-bantuan lain yang disalurkan di kawasan PKPD turut sampai kepada pekerja-pekerja migran dan golongan rentan lain dengan saksama.</p> |
| <p>4.</p> | <p>Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan</p> <p>i. Kebanyakan pekerja migran tinggal di rumah kongsi dengan</p> | <p>a) Majikan-majikan harus bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan</p> |

Lampiran 1

| | | |
|-----------|---|---|
| | <p>penghuni di antara 40-80 orang. Keadaan yang sesak ini boleh menyebabkan risiko penularan COVID-19 yang tinggi di rumah-rumah kongsi ini .</p> <p>ii. Pekerja tanpa dokumen enggan mendapatkan rawatan atau menjalankan pemeriksaan disebabkan takut ditahan oleh pihak berkuasa.</p> <p>iii. Terdapat juga sejumlah wanita migran yang mengandung akan bersalin dalam masa terdekat. Suami mereka tidak dapat bekerja dan kehilangan punca pendapatan dan ini menyebabkan mereka tidak mampu menanggung kos rawatan bersalin dan mendapatkan perkhidmatan perubatan lain dalam tempoh PKP. Kegagalan untuk mengurangkan beban kos rawatan kesihatan bagi ibu mengandung dan kanak-kanak di kalangan golongan rentan boleh meningkatkan risiko dan sindiket penjualan bayi di negara ini.</p> <p>iv. Terdapat segelintir pekerja migran yang bekerja sewaktu tempoh PKP dan tidak diberikan peralatan perlindungan seperti topeng muka oleh majikan.</p> | <p>rumah atau tempat penginapan pekerja migran mereka serta membekalkan mereka dengan peralatan perlindungan yang mencukupi.</p> <p>b) Kerajaan bekerjasama dengan NGO untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk komuniti pekerja migran dan pekerja tanpa dokumen agar dapat memastikan mereka tidak dijangkiti COVID-19.</p> <p>c) Yayasan Chow Kit telah menulis surat kepada Kementerian Kesihatan untuk meminta diskaun dan pelan pembayaran balik berperingkat bagi kos rawatan bersalin untuk wanita- wanita migran mengandung tersebut agar mereka dapat bersalin dalam persekitaran yang selamat. SUHAKAM menyokong cadangan dan permohonan Yayasan Chow Kit ini dan menyaran Kerajaan supaya membenarkan permohonan tersebut.</p> <p>d) Kerajaan mengeluarkan SOP kepada majikan-majikan serta memantau pematuhan majikan-majikan terhadap garis panduan pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan di tempat kerja.</p> <p>e) Kerajaan juga harus memberikan pekerja migran akses kepada pemeriksaan COVID-19 dan pusat kuarantin bagi mereka yang bergejala dan mempunyai kontak positif.</p> |
| <p>5.</p> | <p>Sekatan Gaji oleh Majikan</p> <p>i. Didapati ramai pekerja migran yang masih belum dibayar gaji oleh majikan sejak dari bulan Februari lagi, iaitu sebelum pelaksanaan PKP.</p> <p>ii. Terdapat segelintir majikan yang mengenakan sekatan gaji kepada pekerja migran sewaktu tempoh PKP yang dilanjutkan dan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengirim wang</p> | <p>Kementerian Sumber Manusia, terutamanya Jabatan Tenaga Kerja menyasat perkara ini dan mengambil tindakan selanjutnya bagi memastikan kebajikan komuniti pekerja migran terjamin.</p> |

Lampiran 1

| | | |
|----|---|--|
| | <p>kepada keluarga mereka di negara asal dan tidak mampu membeli barang keperluan atau bekalan makanan.</p> | |
| 6. | <p>Risiko Pembuangan Kerja</p> <p>i. Penularan wabak COVID-19 memberikan impak besar kepada pelbagai sektor pekerjaan yang melibatkan pekerja migran. Sehubungan itu, para pekerja migran bimbang akan status pekerjaan mereka memandangkan mereka tidak mendapat sebarang maklumat daripada majikan serta ejen mereka sejak tempoh PKP bermula.</p> <p>ii. Para pekerja migran juga kluatir keadaan ini akan mengakibatkan mereka menjadi pekerja tanpa dokumen terutamanya apabila permit mereka tamat; sementara yang lain takut penangkapan, penahanan dan pengusiran oleh pihak berkuasa kerana tidak mempunyai dokumen yang sah.</p> <p>iii. Walaupun pihak kerajaan mengumumkan beberapa pakej stimulasi termasuk faedah pemberhentian kerja, namun pakej ini tidak dipanjangkan kepada pekerja migran.</p> | <p>a) Walaupun Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN tambahan untuk membantu perusahaan bersaiz kecil dan sederhana pada 6 April 2020, pihak Kerajaan harus membangunkan dan melaksanakan pelan dan strategi komprehensif bagi membolehkan pemulihan perniagaan yang merangkumi bantuan jangka pendek hingga sederhana untuk pekerja migran.</p> <p>b) Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Imigresen harus sentiasa memantau keadaan semasa bagi memastikan bahawa di mana pemberhentian kerja tidak dapat dielakkan, majikan memberhentikan kerja pekerja migran dengan sah dan bertanggungjawab memaklumkan secukupnya kepada pekerja migran tentang penamatan kerja mereka. Mereka juga perlu diberikan masa yang mencukupi untuk mencari kerja lain; dilanjutkan permit kerja dan pas masuk sebagaimana perlu dengan munasabah; dan dibenarkan untuk pulang ke negara asal mereka atas tanggungan majikan mereka – selepas MCO ditamatkan.</p> |
| 7. | <p>Pasangan dan Anak bukan Warganegara</p> <p>Warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara dan bermastautin di luar negara tidak dapat pulang ke tanah air atas sebab-sebab berikut:</p> <p>(a) Pasangan bukan warganegara tidak diberikan visa untuk memasuki Malaysia</p> <p>(b) Tidak dapat menghubungi Jabatan Imigresen untuk meminta bantuan kerana talian am tidak responsif</p> | <p>Memandangkan perkhidmatan kaunter Jabatan Imigresen Malaysia ditutup pada masa ini kerana PKD, Pusat Pengurusan Operasi Negara di bawah Majlis Keselamatan Negara sewajarnya mengkaji semula isu ini untuk membantu keluarga rakyat Malaysia yang tidak dapat pulang ke tanah air.</p> |

Lampiran 1

| | | |
|----|---|--|
| | (c) Majoriti wanita Malaysia yang bermastautin di luar negara dengan anak-anak yang bukan warganegara tidak pulang kerana takut anak-anak mereka hanya akan diberikan visa sementara. | |
| 8. | <p>Penyampaian Maklumat Mengenai Covid-19</p> <p>Didapati ramai pekerja migran tidak menerima atau memahami maklumat am yang disampaikan mengenai Covid-19. Penyampaian maklumat setakat ini hanya menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (dan bukan bahasa ibunda mereka), dan menggunakan media yang mana pekerja migran mempunyai akses yang terhad (buta huruf, tiada TV atau telefon bimbit pintar, dsb). . Ini menyebabkan pekerja migran tidak tahu tentang risiko jangkitan, langkah-langkah pencegahan, gejala dan tindakan yang perlu diambil jika bergejala.</p> | <p>Gabungan Kesihatan Malaysia telah menghasilkan satu siri maklumat mengenai COVID-19 dalam bahasa-bahasa yang digunakan oleh pekerja migran dan pelarian. Kerajaan boleh menggunakan maklumat tersebut serta pemimpin dan wakil-wakil masyarakat pekerja migran untuk menyampaikan maklumat tersebut secara langsung bagi meningkatkan kesedaran pekerja migran tentang COVID-19 dan semua maklumat penting yang berkaitan.</p> |
| 9. | <p>Penahanan Pekerja Migran serta Kesesakan di Depot Imigresen</p> <p>i. Oleh sebab komuniti migran terutamanya pekerja migran dan pelarian terus ditahan semasa tempoh PKP bagi kesalahan-kesalahan termasuk ketidakpatuhan PKP dan ketiadaan dokumen perjalanan sah, ramai di antara pekerja migran takut akan ditahan jika keluar untuk mendapatkan makanan, barang keperluan dan rawatan kesihatan.</p> <p>ii. Sementara itu, depot imigresen yang sesak, padat serta tanpa pemeriksaan dan penjagaan kesihatan bagi tahanan yang sewajarnya akan juga meningkatkan risiko penularan wabak Covid-19 dan penyakit berjangkit lain di depot imigresen.</p> | <p>a) MKN, Jabatan Imigresen dan PDRM hendaklah mempunyai SOP dan arahan tugas yang jelas dan strategik dalam penguatkuasaan PKP, dengan mengambil kira golongan rentan yang hilang punca pendapatan, sumber makanan dan keperluan lain termasuk pekerja migran.</p> <p>b) Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, pelaksanaan SOP bagi penguatkuasaan PKP tersebut hendaklah merangkumi pemeriksaan kesihatan (termasuk jika perlu ujian COVID-19) yang teliti serta pengasingan/kuarantin yang berkesan sehingga keputusan pemeriksaan kesihatan dan ujian keluar bagi setiap tangkapan atau tahanan yang dibuat.</p> <p>c) Bagi mengurangkan kesesakan di depot dan pusat tahanan imigresen dan risiko penularan wabak COVID-19, penahanan oleh sebab ketiadaan dokumen perjalanan sah sewajarnya digantung secara</p> |

Lampiran 1

| | | |
|--|--|--|
| | | sementara, terutamanya memandangkan operasi Mahkamah dan khidmat bantuan guaman dalam tempoh PKP juga adalah terhad. |
|--|--|--|